

22/03/2004

Suasana di Kedah tenang, selesa

ALOR STAR: Cuaca baik serta suasana tenang menyaksikan ramai keluar mengundi di Kedah dengan suasana di pusat mengundi berjalan lancar dan selesa.

Setakat tengah hari kira-kira 60 peratus daripada 821,901 pengundi pendaftar di negeri ini keluar mengundi, kata Pegawai Pilihan Raya negeri, Mohamad Yusoff.

Tinjauan di beberapa pusat mengundi di sini dan Kuala Kedah mendapati suasana di pusat pembuangan undi tenang dan pengundi boleh bergerak selesa tanpa gangguan, tidak seperti ketika pondok panas dibenarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada pilihan raya umum sebelum ini.

Rata-rata pengundi yang datang awal pagi adalah warga tua dan wanita serta kakitangan pejabat awam dan swasta yang singgah dulu ke pusat pembuangan undi sebelum memulakan tugas. Menjelang tengah hari, kehadiran pengundi bertambah ramai apabila pekerja pejabat mengambil kesempatan waktu makan untuk menunaikan tanggungjawab mereka.

Jumlah pengundi meningkat sekitar jam 10 pagi apabila kenderaan parti yang bertanding sibuk menurunkan penumpang di pusat membuang undi.

SPR menyediakan 1,575 saluran mengundi yang 97 peratus adalah di sekolah, manakala pengundi pos ditetapkan 633 pusat. SPR turut menyediakan 11,035 petugas terdiri daripada kakitangan agensi kerajaan yang dilantik khusus untuk melancarkan pilihan raya ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah selepas tiba di situ kira-kira jam 9 pagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain bersama isteri, Datin Seri Sharifah Hamidah Syed Hamid pula mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Boon Hua, Alor Janggus kira-kira jam 10.30 pagi.

Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saifuddin Nasution Ismail yang mencabar Syed Razak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kubang Rotan pula mengundi di Sekolah Menengah Sains Pokok Sena.

Timbalan Menteri Dalam negeri, Datuk Chor Chee Heung mengundi di Sekolah Menengah St Michael, di sini, manakala Naib Presiden Pas yang juga Pesuruhjaya Pas negeri, Azizan Abdul Razak yang mempertahankan kerusi DUN Sungai Limau membuang undinya di Sekolah Kebangsaan Bukit Besar, Sungai Limau.